

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 APRIL 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36

### KL20 dijangka wujudkan syarikat pemula niaga bernilai RM400 bilion

# KL20 dijangka wujudkan syarikat pemula niaga bernilai RM400 bilion

**KL20** KL20 SUMMIT 2024

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pelan Tindakan KL20 dijangka menjana pernilian tambahan syarikat pemula niaga mencecah RM400 bilion menjelang 2030, dengan sasaran pelaburan modal teroka (VC) tahunan mencecah RM750 juta.

Pelan tindakan yang dilancarkan bersempena Sidang Kemuncak KL20 itu juga bakal mewujudkan sehingga 3,000 syarikat pemula niaga aktif dan mencipta lebih 100,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pelan tindakan tersebut menggariskan inisiatif baharu yang akan mempercepatkan bidang kritisik ekosistem merangkumi modal, bakat dan kualiti syarikat pemula niaga.

Katanya, ia dilancarkan agar Malaysia menjadi destinasi pilihan bagi pertumbuhan modal peringkat awal, menjadikan negara sebagai pusat usahawan bertaraf dunia dan bakat berkemahiran serta menjadi hab bagi syarikat pemula terkemuka dunia yang ingin berkembang.

"Sidang Kemuncak KL20 mewakili matlamat untuk membawa Malaysia sebagai negara dengan 20 ekosistem syarikat pemula niaga terbaik dunia."

"Malaysia berkait rapat dari segi geografi dan budaya dengan pasaran terbesar di dunia seperti Asia Tenggara, Asia Timur, India, dan Asia Barat."



ANWAR Ibrahim (belakang tengah) dan Rafizi Ramli (belakang, dua kanan) menyaksikan acara menandatangani Inisiatif Pelaburan ASEAN pada Sidang Kemuncak KL20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

"Dengan pendukung domestik yang pelbagai, digabungkan dengan kemudahan digital berkualiti tinggi dan kos yang berputatan, ia menjadikan Malaysia destinasi ujian yang ideal untuk pelancaran dan perintis produk," katanya dalam ucapan sempena perasmian KL20 2024 di sini semalam.

Menurut Rafizi, Malaysia turut berusaha untuk menarik masuk unicorn global ke negara ini dengan "Unicorn Golden Pass" sekali gus menjadikan negara sebagai tapak teras Asia Tenggara bagi syarikat teknologi

global.

Unicorn merupakan terminologi yang merujuk syarikat pemula persendirian yang mempunyai nilai lebih AS\$1 bilion (lebih RM4.77 bilion).

"Kemasukan syarikat pemula niaga ke dalam negara mampu mencipta pekerjaan yang berkemahiran dan bernilai tinggi."

"Dengan pelabur dan bakat yang tepat di Malaysia, kami akan menjadikan Malaysia pangkalan Asia Tenggara untuk syarikat teknologi global, di bawah 'Unicorn Golden Pass.'

"Kami mahu menarik uni-

corn global untuk memasuki Malaysia, supaya pekerjaan berkemahiran tinggi dan bernilai tinggi diwujudkan, sebaliknya membangunkan saluran untuk bakal usahawan masa depan dan pemimpin kanan dalam teknologi," katanya.

Tambah Rafizi, pihaknya mewajarkan pakej insentif, termasuk yuran yang dikecualikan untuk pas pekerjaan pengurusan kanan, sewa bersubsidi, kadar cukai konsesi ke atas keuntungan korporat, perkhidmatan penempatan semula dan sebuah 'startup concierge' yang mengu-

ruskan pendaftaran untuk permulaan.

Sidang Kemuncak KL20 2024, yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi, bakal merangsang semula kedudukan Malaysia sebagai hab terkemuka untuk pemula dan pemodal teroka, serta mengangkat Kuala Lumpur ke dalam senarai 20 hab pemula terbaik global menjelang 2030.

Lebih 3,000 peserta terdiri daripada pelabur antarabangsa dan syarikat-syarikat pemula niaga dijangka menghadiri acara yang berlangsung selama dua hari itu.